

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

Pengendali umrah dinasihat tidak anjur lawatan ke ladang haiwan berkenaan

## MERS-CoV daripada unta

■ PUTRAJAYA 3 JAN.

**S**YARIKAT pengendali pakej umrah dan ziarah dinasihatkan tidak menganjurkan lawatan ke ladang unta bagi mengelakkan jangkitan Sindrom Pernafasan Virus Korona Timur Tengah (MERS-CoV), kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam.

Beliau berkata, lawatan ke ladang haiwan itu boleh mendatangkan risiko jangkitan MERS-CoV kepada jemaah umrah kerana jangkitan respiratori yang disebabkan oleh virus korona disyaki berpunca daripada unta.

Menurutnya, perkara tersebut dibangkitkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri hari ini dan pihak kementerian menasihatkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama) untuk menasihatkan agensi pelancongan agar tidak menyediakan pakej lawatan ke ladang unta.

"Kementerian Kesihatan tidak boleh mengeluarkan larangan, jadi saya meminta kerjasama dua kementerian itu agar perkara ini boleh diumumkan dan dimaklumkan kepada jemaah umrah agar tidak perlu melawat ladang unta (di Tanah Suci) bagi mengelakkan daripada dijangkiti MERS-CoV," katanya dalam sidang media di sini, hari ini.

**Kementerian Kesihatan tidak boleh mengeluarkan larangan, jadi saya meminta kerjasama dua kementerian itu agar perkara ini boleh diumumkan dan dimaklumkan kepada jemaah umrah."**

**S. SUBRAMANIAM**  
Menteri Kesihatan

Menurutnya, kedua-dua kementerian itu memberikan respon positif dan akan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan jangkitan MERS-CoV dalam kalangan jemaah umrah, jemaah haji dan pelawat dapat dicegah.

Mengulas lanjut, Dr. Subramaniam berkata, seorang lelaki warga Malaysia yang disahkan dijangkiti MERS-CoV telah dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Sungai Buloh dan keadaannya dilaporkan stabil serta tidak bergejala.

Beliau berkata, sejak 30 Disember lepas, pihaknya telah menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan termasuk pengesanan kontak seramai 70 orang melibatkan anggota keluarga serumah,



**S. SUBRAMANIAM** ketika sidang media mengenai Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV) di Putrajaya, semalam. Turut sama Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya. - BERNAMA

saudara mara, sahabat handai dan anggota kumpulan pakej umrah yang disertai oleh lelaki berusia 55 tahun itu.

Aktiviti pengesanan turut dijalankan terhadap anggota kesihatan yang mengendalikan kes di

klitik swasta yang dilawati dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang serta penumpang-penumpang yang duduk berhampiran dengannya bagi perjalanan pulang ke Malaysia pada 23 Disember lalu, katanya. - BERNAMA